

 <p>An agency under MOSTI</p>	Country	Malaysia
	Publication	Utusan Online
	Date	17 January 2015
	Website URL	http://goo.gl/fLlsgs



Cybersecurity Malaysia kesan data penting bantu mangsa banjir

KUALA LUMPUR 16 Jan. – Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) disaran membuka pusat khidmat di setiap negeri yang dilanda banjir bagi mengesan kehilangan data penting yang disimpan dalam peranti digital oleh mangsa bencana.



ABU BAKAR

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, langkah itu merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang amat bermakna kepada mangsa banjir kerana ramai yang kehilangan data.

“Mungkin sekarang mereka tidak terfikir mengenainya kerana sibuk dengan masalah kehilangan tempat tinggal, kerosakan harta benda dan sesi persekolahan.

“Namun saya percaya dalam tempoh dua minggu lagi pasti mereka memerlukan khidmat mengesan data ini,” katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Penghargaan Cybersecurity di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) kementerian, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim; Pengerusi Cybersecurity, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity, Dr. Amirudin Abdul Wahab.

Abu Bakar berkata, khidmat teknikal yang diberikan itu perlulah percuma, manakala bagi agensi atau jabatan-jabatan kerajaan, mereka perlu merujuk Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Sementara itu, beliau memberitahu pihaknya berhasrat membeli 30 unit mesin pembersih air yang menggunakan teknologi membran untuk digunakan di kawasan banjir bagi mengelakkan jangkitan kuman kepada penduduk.

“Mesin pelbagai guna itu merupakan kajian pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mendapat lebih 100 anugerah di peringkat global.

“Anggaran kos bagi satu mesin adalah RM400,000 dan ia boleh menampung keperluan antara 20,000 hingga 30,000 individu,” katanya.